

# KKMM tulang belakang selaras komunikasi berkaitan COVID-19

**Kuala Lumpur:** Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) ibarat tulang belakang dalam menyelaras keberkesanan komunikasi supaya maklumat dikeluarkan sentiasa tepat, sistematik dan tidak bertindih.

Peranan itu lebih kritikal sejak setahun lalu ketika Malaysia berdepan ancaman penularan COVID-19, yang mana keperluan terhadap sebaran dan maklumat sahih berkaitan pandemik amatlah mendesak.

Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Saifuddin Abdullah, berkata keadaan pandemik menuntut kementeriaannya memainkan peranan besar, malah lebih penting sebagai jambatan penghubung memastikan maklumat sahih daripada kerajaan sampai kepada mereka.

Beliau memaklumkan KKMM sebenarnya yang mencadangkan komunikasi berkaitan pandemik dilaksanakan secara sistematik ketika mesyuarat pertama Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) sebaik Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin, mengangkat sumpah.

Oleh sebab itu, katanya pihak

nya menetapkan daripada awal hanya akan ada dua jurucakap selain Perdana Menteri iaitu Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah (bagi aspek kesihatan) dan Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (bukan kesihatan).

"Ia memang dirancang sebegitu kerana kita mengendalikan isu yang sangat rumit dan *unprecedented* (tidak pernah dialami) bagi semua sebelum ini.

"Hanya apabila ekonomi dibuka semula, maka diaturkan beberapa jurucakap lain seperti Menteri Kanan merangkap Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Takiyuddin Hassan, untuk bercakap mengenai darurat dan pelbagai lagi," katanya.


Saifuddin berkata, sebagai kerajaan yang prihatin, penting untuk memastikan tumpuan diberi kepada usaha memastikan keseimbangan kehidupan dan kelang-

### PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DIGITAL NEGARA

**Pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA)**


**92%**

Liputan jalur lebar mudah alih 4G di kawasan berpenduduk sehingga suku ke-3, 2020



**Transformasi Pusat Internet Komuniti (PIK)**


- Pelaksanaan Makmal Transformasi PIK untuk membangunkan Rangka Kerja Transformasi Pusat Internet Komuniti (PIK) bagi menjadikan Pusat Internet Komuniti sebagai entiti *self-sustaining* yang menyediakan kesalinghubungan digital dan meningkatkan sosioekonomi masyarakat
- Transformasi Pusat Internet Malaysia



**Peningkatan purata kelajuan jalur lebar mudah alih**


**25.6Mbps**

setakat suku ke-4, 2020



**Transformasi Industri Pos dan Kurier Negara**

- Pelaksanaan *National Postal and Courier Industry Lab* (NPCIL) pada 4 Disember 2020 secara maya
- Seramai 110 peserta industri dan kerajaan
- > 2 Sesi CEO Challenge
- 1 Sesi Webinar bersama 5 pemimpin pemikir dalam dan luar negara



**eRezeki**

Jumlah individu yang berdaftar & profil	Jumlah individu yang dilatih	Pekerja digital yang mendapat bayaran	Jumlah pendapatan tambahan diperoleh
<b>76,554</b>	<b>49,552</b>	<b>359,281</b>	<b>RM560.75 JUTA</b>

sungan hidup rakyat.

Untuk itu, cabaran utama perlu ditangani adalah bagaimana untuk menyediakan rakyat dan negara supaya dapat terus beroperasi sehingga selepas pandemik berakhir.

"Kita berada pada zaman yang tiada perbandingannya. Ia tiada perbandingan sebab Perdana Menteri hari ini tidak boleh merujuk kepada yang terdahulu kerana mereka juga tiada pengalaman ini.

"Malah, menteri dan Kabinet hari ini juga tidak boleh merujuk kepada pentadbiran sebelum ini. Negara lain juga tidak boleh menjadi rujukan kerana mereka juga berdepan masalah sama seperti kita," katanya.